

# BAB SATU

## PENGENALAN

### 1.1 PERSOALAN KAJIAN

Bersesuaian dengan tajuk disertasi, "Penyakit Tropika di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1896-1914: Tumpuan Kepada Penyakit Beri-beri, Malaria dan Penyakit Usus", persoalan tesis ialah bagaimana pentadbiran British menangani penularan penyakit tropika<sup>1</sup> di Negeri-negeri Melayu Bersekutu antara 1896-1914.

---

<sup>1</sup> Dari sudut geografi, istilah tropika merujuk kepada kawasan yang terletak dalam lingkungan latitud 23° 27' U (*Tropics of Cancer*) dan 23° 27' S (*Tropics of Capricorn*). Dari sudut penyakit, tropika merujuk kepada Asia Tenggara, Korea, Jepun, Australia Utara, lingkaran tropika Pasifik-Amerika Tengah-Caribbean, benua Afrika (tidak termasuk Afrika Selatan) dan zon pesisir Mediterranean dari Sepanyol ke Israel (Ranjan L. Fernando, Sujatha S. E. Fernando & Anthony S. Y. Leong, *Tropical Infectious Diseases: Epidemiology, Investigation, Diagnosis and Management*, London: Greenwich Medical Media Limited, 2001, hlm. VII). Dalam hal ini, penyakit tropika dapat dipecahkan kepada beberapa kelompok. Pertama, penyakit yang disebabkan oleh protozoa (seperti malaria, *blackwater fever*, *African trypanosomiasis*, *leishmaniasis*, disenteri ameba (*amebiasis*) dan puru); kedua, penyakit yang disebabkan oleh bakteria (seperti disenteri basillus (*shigellosis*), kolera, kusta, hawar dan *melioidosis*); ketiga, penyakit yang disebabkan oleh virus bolehurtas, *rickettsiae* dan organisme sejenisnya (seperti demam kuning, denggi dan *tsutsugamushi*); keempat, penyakit yang disebabkan oleh pemakanan (seperti skurvi, pelagra, dropsi, *sprue*, beri-beri, kwashiorkor dan ariboflavinosis) dan kelima, penyakit yang disebabkan oleh parasit haiwan (seperti *ankylostomiasis*, *filariasis*, *dracontiasis* dan *schistosomiasis*) (untuk rujukan lanjut, sila rujuk, Richard L. Guerrant, David H. Walker & Peter F. Weller (ed.), *Essentials of Tropical Infectious Diseases*, Pennsylvania: Churchill Livingstone, 2001; P. E. C. Manson-Bahr & D. R. Bell, *Manson's Tropical Diseases*, Edisi Kesembilanbelas, London: Baillière Tindall, 1987; David Stevenson (rev.), *Davey and Lightbody's The Control of Disease in the Tropics: A Handbook for Physicians and International Community Health*, Edisi Kelima, London: H. K. Lewis & Co. Ltd., 1987; A. Martinez-Palomo (ed.), *Amebiasis*, Amsterdam: Elsevier, 1986; Donald S. McLaren, *Nutrition and Its Disorders*, Edisi Ketiga, Edinburgh: Churchill Livingstone, 1981 dan Richard P. Strong, *Stitt's Diagnosis, Prevention and Treatment of Tropical Diseases*, Edisi Ketujuh, London: H. K. Lewis & Co. Ltd., 1945).

Penyakit tropika seperti yang dijelaskan tertakluk kepada dua keadaan. Pertama, penyakit yang sememangnya berasal dan hanya menular di kawasan tropika seperti demam kuning, denggi dan *African trypanosomiasis* dan kedua, penyakit yang menular bukan sahaja di kawasan tropika tetapi juga di zon iklim sederhana seperti malaria, beri-beri, disenteri, kusta, hawar dan kolera. Walaupun demikian, penyakit tropika kelompok kedua ini berjaya dikawal dan dibasmi di negara-negara beriklim sederhana tetapi masih menjadi masalah besar kepada penduduk di kawasan tropika (sila rujuk, Brian Maegraith, *Adams & Maegraith: Clinical Tropical Diseases*, Oxford:

Persoalan pokok kajian akan dibahagikan kepada beberapa aspek. Pertama, sejarah awal penularan ketiga-tiga penyakit tropika serta faktor penularannya di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dengan mengesan kawasan dan kelompok sasaran serangan penyakit. Kedua, akan diperhalusi langkah-langkah pengawalan penyakit yang dilaksanakan oleh British. Usaha pengawalan akan didekati dengan mengkaji peranan tenaga pengawalan yang terdiri daripada tenaga perubatan negeri, kakitangan Institut Penyelidikan Perubatan dan kerajaan persekutuan, serta kaedah pengawalan yang menjurus kepada penggunaan ubatan dan kemudahan kesihatan dan kebersihan.

## 1.2 SKOP KAJIAN

Kajian ini ditumpukan kepada tiga jenis penyakit tropika yang utama di Negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu beri-beri, malaria dan penyakit usus (disenteri sahaja) antara tahun 1896 hingga 1914. Ketiga-tiga penyakit ini dikaji kerana setiap satunya merakamkan masalah yang melanda kerajaan dan

---

Blackwell Scientific Publications, 1980; William B. Hennessy, *Lay Course in Tropical Medicine*, Edisi Kedua, Canberra: Australian Government Publishing Services, 1979; Charles Singer & E. Ashworth Underwood, *A Short History of Medicine*, Edisi Kedua, London: Oxford University Press, 1962; W. H. Jopling, *The Treatment of Tropical Diseases*, Bristol: John Wright and Son, 1960; George Cheever Shattuck, *Diseases of the Tropics*, New York: Appleton-Century-Crofts, Inc., 1951 dan Leonard Rogers & John W. D. Megaw, *Tropical Medicine*, Edisi Kelima, London: J. & A. Churchill Ltd., 1944).

Dalam konteks kajian, penyakit usus yang menjadi fokus perbincangan merujuk kepada disenteri sahaja. Sungguhpun statistik disenteri dan penyakit usus yang lain (terutamanya diare) diasingkan dalam kelompok penyakit yang berbeza dalam laporan perubatan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (lihat, contohnya *Return of Diseases and Deaths in 1902 at All Hospitals in Negri Sembilan*, selanjutnya *NSRDD*, him. 3 & 7) tetapi maklumat disenteri kadangkala digabungkan dengan diare di bawah tajuk *bowel complaints* (penyakit usus) (sila rujuk, misalnya *State of Selangor Annual Report on the Medical Department for the Year 1903*, selanjutnya *SMR*, him. 2). Hal ini mendatangkan masalah dalam penulisan kajian. Justeru itu, pengkaji mengambil pendekatan menggunakan perkataan penyakit usus apabila sumber yang dirujuk tidak mengasingkan kedua-dua jenis penyakit.

penduduk Negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu jumlah kemasukan pesakit ke hospital dan jumlah kematian yang tinggi yang dicatatkan berbanding dengan penyakit lain.

Kajian terhadap ketiga-tiga penyakit juga dilakukan untuk melihat pelan tindakan pengawalan yang dilaksanakan oleh British dalam tempoh 1896-1914. Dalam hal ini, tumpuan akan diberikan kepada tindakan pengawalan khusus yang dijalankan oleh tenaga perubatan negeri, Institut Penyelidikan Perubatan dan kerajaan persekutuan. Selain itu, tindakan pengawalan yang lebih umum seperti peningkatan kemudahan perubatan dan kesihatan akan turut diteliti.

Tumpuan diberikan kepada tahun 1896 kerana pada tahun ini British telah membentuk satu sistem pentadbiran yang bersepadu di antara Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang yang dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Persekutuan kini mempunyai pegawai dan jabatan-jabatan persekutuan untuk menyelaraskan pentadbiran antara keempat-empat negeri. Cadangan jawatan *Chief Surgeon* sebagaimana dalam *Scheme for the Administrative Federation of the Protected Malay States* menunjukkan kepentingan penyatuan pentadbiran perubatan di peringkat pusat.<sup>2</sup> Tambahan pula, keprihatinan Joseph Chamberlain, Setiausaha Negara untuk Tanah

---

<sup>2</sup> *Correspondence Respecting the Federation of the Protected Malay States, May, 1893 to December, 1895*, hlm. 11. Walaupun pentadbiran perubatan negeri masih berada di bawah *State Surgeon* masing-masing selepas pembentukan Persekutuan, *Principal Civil Medical Officer* dari Perkhidmatan Perubatan Negeri-negeri Selat telah dilantik sebagai *Inspector-General of Medical Institutions in the Federated Malay States*. Beliau bertanggungjawab melakukan lawatan pemeriksaan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan membuat laporan kepada Residen-Jeneral (A. Wright & H. A. Cartwright (ed.), *Twentieth Century Impressions of British Malaya*, London: Llyod's Greater Britain Publishing Co. Ltd., 1908, hlm. 249).

Jajahan terhadap penyakit mulai meningkat dan beliau memberi perhatian khusus kepada kesan perkembangan parasitologi dan bakteriologi terhadap tanah jajahan. Penularan penyakit dilihat sebagai penghalang kepada perluasan ekonomi British di kawasan yang dikuasainya. Perlantikan Dr. (kemudiannya Sir) Patrick Manson<sup>3</sup> pada 7 Julai 1897 sebagai Penasihat Perubatan untuk Pejabat Tanah Jajahan yang baru membuktikan komitmen Chamberlain.<sup>4</sup> Gabungan Chamberlain-Manson merealisasikan penubuhan London School of Tropical Medicine pada 2 Oktober 1899; sebuah institusi untuk melatih pegawai-pegawai perubatan yang akan atau sedang berkhidmat di koloni tropika British mengenai penyakit tropika.<sup>5</sup>

Kajian ini dibataskan sehingga tahun 1914 yang menandakan permulaan Perang Dunia Pertama. Impak peperangan ke atas penularan penyakit tropika di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dapat dilihat dalam dua keadaan berbeza yang menjadikan perbincangan selepas tahun 1914 beralih ke satu tahap yang lain. Keadaan yang pertama adalah pengurangan kakitangan atasan Eropah kerana

---

<sup>3</sup> Dr. Patrick Manson dilahirkan pada 3 Oktober 1844 di Oldmeldrum, lebih kurang 18 batu di utara Aberdeen, Scotland. Beliau dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Perubatan dari Universiti Aberdeen pada tahun 1865 dan M. D. dari universiti yang sama pada Julai 1866. Sebelum dilantik sebagai Penasihat Perubatan Untuk Pejabat Tanah Jajahan, beliau pernah bertugas di Formosa (1866-1870), Amoy (1871-1883) dan Hong Kong (Disember 1883-Mac 1889). Sumbangan terpenting beliau terhadap penyelidikan penyakit tropika adalah dalam menyelesaikan punca penyakit *filariasis* dan malaria (untuk maklumat lanjut, sila rujuk, Philip Manson-Bahr, *Patrick Manson: The Father of Tropical Medicine*, London: Thomas Nelson and Sons Ltd., 1962).

<sup>4</sup> Lenore Manderson, *Sickness and State: Health and Illness in Colonial Malaya, 1870-1940*, London: Cambridge University Press, 1996, hlm. 9.

<sup>5</sup> Lihat, Philip Manson-Bahr, *Patrick Manson: The Father of Tropical Medicine*, hlm. 120-128.

berkhidmat dalam perang.<sup>6</sup> Pengurangan kakitangan Eropah dalam jabatan perubatan semasa perang menyebabkan wujudnya masalah pentadbiran kesihatan yang serius selepas perang. Menurut Lennox A. Mills,

*During the 1914-18 War, [sic] the medical department, like the other departments in the Federated Malay States, was greatly handicapped by inability to expand or even to replace those who died, retired or left on military service. Men long overdue for leave refrained from asking for it since their absence would still further have disrupted medical work. While the authorized number of European Medical Officers in the Federated Malay States in 1919 was forty-one only, [sic] twenty were actually available for duty. .... The European matrons and nurses had fallen from twenty-six to sixteen.<sup>7</sup>*

Keadaan yang kedua adalah pengurangan perbelanjaan kerajaan. Akibatnya, kebanyakan projek awam yang utama seperti pembinaan jalan, limbungan dan hospital terpaksa ditangguhkan.<sup>8</sup> Antara tahun 1914-1916 misalnya, perbelanjaan kerajaan persekutuan menurun dari \$55,010,037 (1914) kepada \$42,838,631 (1915) dan \$31,966,581 (1916).<sup>9</sup> Hasil pendapatan kerajaan persekutuan juga menurun dari \$44 juta pada tahun 1913 kepada \$40 juta antara tahun 1914-1915.<sup>10</sup> Hal ini menyebabkan peruntukan kepada jabatan-

<sup>6</sup> Antara tahun 1915 hingga 1917 misalnya, seramai 15 orang kakitangan Eropah dari Jabatan Perubatan Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Institut Penyelidikan Perubatan meninggalkan jawatan masing-masing untuk berkhidmat dalam tentera British (*Federated Malay States Medical Report for the Year 1915*, selanjutnya *FMSMR*, hlm. 17; *FMSMR 1916*, hlm. 7-8 dan *FMSMR 1917*, hlm. 7).

<sup>7</sup> Lennox A. Mills, *British Rule in Eastern Asia: A Study of Contemporary Government and Economic Development in British Malaya and Hong Kong*, London: Oxford University Press, 1942, hlm. 301.

<sup>8</sup> Yeo Kim Wah, *The Politics of Decentralization: Colonial Controversy in Malaya 1920-1929*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1982, hlm. 85.

<sup>9</sup> *Federated Malay States Annual Report for 1915*, selanjutnya *FMSAR*, hlm. 2 dan *FMSAR 1916*, hlm. 2.

<sup>10</sup> J. M. Gullick, *A History of Selangor (1766-1939)*, Monograf No. 28, Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1998, hlm. 173.

jabatan kerajaan terpaksa dikurangkan dan ia memberi kesan terhadap projek yang sedang dan akan dijalankan oleh jabatan-jabatan berkenaan.

Justeru itu, jangkamasa 1896-1914 merupakan tempoh yang paling penting untuk memahami peranan British dalam mengawal penularan penyakit ekoran eksploitasi ekonomi yang dialami oleh negeri Melayu di bawah pentadbiran British. Menurut J. Norman Parmer,

*British rule first made the incidence of disease and death very much worse than before. The clearing of land for estates, the expansion of mining and the construction of public works disturbed existing ecological balances, causing diseases to spread and multiply. The large immigrant labour forces assembled for these capital investments lacked natural immune systems. The colonial government, the chief provider of medical services, also lacked experience and knowledge and as a consequence many tens of thousands of workers died.<sup>11</sup>*

Tambahan pula, jangkamasa ini merupakan tempoh eksperimen bagi British mencari punca penularan penyakit dan langkah pengawalannya. Menurut Lenore Manderson,

*Scientific research during this period, ... led to a clearer understanding of a number of infections and illnesses, including a number of 'tropical' diseases ... The establishment of the Institute of Medical Research in Kuala Lumpur in 1900 contributed to this growth of knowledge. Funds and personnel were directed especially to improving the understanding of malaria and beri-beri, the two diseases which affected most savagely the labour forces of the rubber and tin industries.<sup>12</sup>*

---

<sup>11</sup> J. Norman Parmer, "Estate Workers' Health in the Federated Malay States in the 1920s", dalam Peter J. Rimmer & Lisa M. Allen, *The Underside of Malaysian History: Pullers, Prostitutions, Plantation Workers ...*, Singapore: Singapore University Press, 1990, hlm. 179.

<sup>12</sup> Lenore Manderson, "Race, Colonial Mentality and Public Health in Early Twentieth Century Malaya", dalam Peter J. Rimmer & Lisa M. Allen, *The Underside of Malaysian History: Pullers, Prostitutions, Plantation Workers ...*, hlm. 194-195.

Keseluruhannya, disertasi ini dibahagikan kepada enam bab. Bab pertama akan membincangkan persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan kaedah kajian. Bab kedua akan memokus kepada pentadbiran British dan masalah kesihatan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu antara tahun 1874 hingga 1914. Bab ini merupakan latar belakang kepada penularan tiga penyakit tropika yang berlaku di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Perbincangan akan menyentuh secara sepintas lalu perkembangan kuasa British sehingga tahun 1914 sebelum menjurus kepada perkembangan ekonomi, kemasukan buruh asing dan kesannya ke atas masalah kesihatan dan perkhidmatan kesihatan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu antara tahun 1896-1914.

Tiga bab seterusnya akan dikhususkan kepada tiga jenis penyakit tropika yang telah dikenalpasti sebagai penyumbang kepada jumlah kemasukan pesakit ke hospital dan jumlah kematian yang tinggi di kalangan penduduk Negeri-negeri Melayu Bersekutu sepanjang tempoh 1896-1914. Oleh yang demikian, bab ketiga akan difokuskan kepada penyakit beri-beri, bab keempat akan memperincikan penyakit malaria manakala bab kelima akan ditumpukan kepada penyakit usus (disenteri sahaja). Dalam setiap bab, perbincangan akan meneliti sejarah penularan penyakit sejak penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu sehingga 1914, kawasan dan kelompok sasaran serangan penyakit hasil perkembangan ekonomi kolonial dan langkah-langkah pengawalan yang dilakukan oleh British.

Bab keenam adalah bab terakhir dan ia berupa rumusan dan penilaian menyeluruh terhadap keberkesanan langkah-langkah pengawalan penyakit yang telah dilaksanakan oleh British. Bab ini juga akan menilai sejauhmanakah ketelusan British dalam setiap agenda pengawalan penyakit tropika di Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

### 1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Tajuk ini dipilih sebagai kajian disertasi berdasarkan tinjauan yang telah dibuat ke atas penulisan sejarah perkembangan kesihatan dan perubatan di Tanah Melayu. Kebanyakan penulisan awal berkenaan perkembangan penyakit di Tanah Melayu hanya menyentuh tentang perkhidmatan kesihatan dan perubatan secara sepintas lalu.<sup>13</sup> Hanya dalam tempoh dua dekad kebelakangan ini terdapat penulisan buku dan artikel mengenai perkhidmatan kesihatan dan perubatan dan penyakit yang lebih menyeluruh.<sup>14</sup> Dalam masa yang sama,

---

<sup>13</sup> Contohnya, Lennox A. Mills, *British Rule in Eastern Asia ...*, bab VIII; Chai Hon-Chan, *The Development of British Malaya, 1896-1909*, London: Oxford University Press, 1967, bab 6; Emily Sadka, *The Protected Malay States, 1874-1895*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1968 dan Abdul Majid Ismail, "The History of Early Medical and Health Services in Malaysia", *Malaysia in History*, Jilid 17, selanjutnya Jil., No. 2, 1974, hlm. 6-15. Hanya sebuah buku yang dapat dikatakan satu penulisan lengkap tentang penyelidikan kesihatan dan penularan penyakit pada tahap awal, iaitu *The Institute for Medical Research 1900-1951*, Kuala Lumpur: Printed at Government Press, 1951.

<sup>14</sup> Antaranya adalah Ho Tak Ming, *Doctors Extraordinaire*, Ipoh: The Perak Academy, 2000; Ahmad Kamal Ariffin Mohd. Rus, "Kawalan Kesihatan Awam di Bandar Kuala Lumpur, 1890-1914", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, selanjutnya MDSS, Bilangan 26, selanjutnya Bil., 1998, hlm. 94-114; Lenore Manderson, *Sickness and State ...* dan Ooi Giok Ling, "British Colonial Health Care Development and the Persistence of Ethnic Medicine in Peninsular Malaysia and Singapore", *Journal of Southeast Asian Studies*, selanjutnya JSEAS, Jil. 29, No. 2, September 1991, hlm. 158-178 dan J. Norman Parmer, "Health and Health Services in British Malaya in the 1920s", *Modern Asian Studies*, Jil. 23, Bahagian 1, selanjutnya Bhg., 1989, hlm. 49-71.



aspek kesihatan dan perubatan semakin mendapat perhatian dalam kajian ilmiah di peringkat sarjana muda,<sup>15</sup> sarjana<sup>16</sup> dan doktor falsafah.<sup>17</sup>

Sungguhpun penulisan dan kajian ilmiah mengenai perkhidmatan kesihatan dan perubatan semakin bertambah tetapi tiada satu kajian khusus yang dibuat tentang penyakit-penyakit tropika di Negeri-negeri Melayu Bersekutu.<sup>18</sup> Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat perbincangan tentang penyakit dalam penulisan-penulisan yang telah disebutkan tetapi beberapa

---

<sup>15</sup> Kajian peringkat ijazah sarjana muda lebih memokus kepada perkembangan perkhidmatan kesihatan dan perubatan di negeri-negeri tertentu, misalnya, Ooi Ean Hoon, "Sejarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di Negeri Sembilan (1900-1941)", Latihan Ilmiah, Ijazah Sarjana Muda Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989; Kuiek Ban Siau, "Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di Selangor Dari Tahun 1880 Hingga 1940", Latihan Ilmiah, Ijazah Sarjana Muda Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990; Kamariah Mat Noor, "Perkembangan Kesihatan di Negeri Perak, 1896-1914", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1998/1999; Sarini Muhaini, "Sejarah Kesihatan di Negeri Selangor 1946-1948", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2001/2002; Yuzi Ramli, "Perkembangan Kesihatan di Negeri Terengganu, 1920-1940", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2001/2002; Zorani Ismail @ Musa, "Perkembangan Kesihatan dan Perubatan di Negeri Kelantan Antara Tahun 1929-1940", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2001/2002 dan Zulkipli Sabu, "Sejarah Kesihatan di Kedah, 1945-1956", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2001/2002. Terdapat juga kajian yang secara khusus menghalkan perkembangan institusi perubatan tertentu. Sebagai contoh, Ng Chooi Kim, "Sejarah Penubuhan dan Perkembangan Hospital Tung Shin Kuala Lumpur Dari Tahun 1881-1941", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1992/1993; Arumugam a/l Muthusamy, "Sejarah Perubatan dan Penubuhan Hospital Sungai Petani Antara Tahun-tahun 1960-1980: Tumpuan Kajian Terhadap Perkembangan Sungai Petani", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2001/2002 dan Bathemavati a/p Kathavarayen, "Sejarah Perkembangan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), 1946-1957", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2001/2002.

<sup>16</sup> Julia Meredith Raja Segaran, "Development of the Medical Services in the Malay States, 1881-1911: From Death Houses to Hospitals", Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1982.

<sup>17</sup> Hairudin Harun, "Medicine and Imperialism: A Study of the British Colonial Medical Establishment, Health Policy and Medical Research in the Malay Peninsula, 1786-1918", Disertasi Doktor Falsafah, University College London, 1988.

<sup>18</sup> Setakat ini hanya terdapat dua penulisan tentang penyakit, iaitu, Enid M. Blythe, "The Search for the Cause of Beriberi in the Malay Peninsula: The Contribution of Dr. W. L. Braddon", *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, selanjutnya *JMBRAS*, Jil. 61, Bhg. 2, 1988, hlm. 93-122 dan Malcolm Watson, *The Prevention of Malaria in the Federated Malay States*, Cetakan Semula, Monograf No. 19, Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 2000.

aspek penting tidak diberi penekanan serius oleh penulis dan pengkaji. Pertama, jalinan kerjasama tiga hala antara tenaga perubatan negeri, Institut Penyelidikan Perubatan dan kerajaan persekutuan dalam mencari jalan penyelesaian terbaik untuk menangani penularan penyakit. Kedua, berlaku pengabaian dari segi peranan yang dimainkan oleh tenaga-tenaga perubatan negeri dalam penyelidikan punca penyakit dan langkah-langkah pengawalan penyakit. Ketiga, kaedah pengawalan penyakit dan respons terhadap pelaksanaannya juga tidak diperinci.

Sehubungan itu, beberapa kajian yang telah dihasilkan diteliti untuk membuktikan wujudnya kekurangan tersebut. Kajian oleh Julia Meredith Raja Segaran dan Hairuddin Harun contohnya lebih menekankan aspek penyelidikan yang dilakukan oleh kakitangan Institut Penyelidikan Perubatan daripada tenaga-tenaga perubatan negeri.<sup>19</sup>

Begitu juga dengan penulisan oleh Ho Tak Ming. Walaupun beliau menghususkan dua bab dalam bukunya tentang perkembangan Institut Penyelidikan Perubatan<sup>20</sup> dan penyakit beri-beri,<sup>21</sup> tumpuan lebih berkisar kepada latar kehidupan pengarah Institut Penyelidikan Perubatan yang pertama

---

<sup>19</sup> Teltikan, Julia Meredith Raja Segaran, "Development of the Medical Services ...", bab 6 dan Hairudin Harun, "Medicine and Imperialism ...", bab 8, 9 & 10.

<sup>20</sup> Ho Tak Ming, *Doctors Extraordinaire*, bab 11.

<sup>21</sup> *Ibid.*, bab 13.

iaitu Dr. Hamilton Wright<sup>22</sup> dan usaha Dr. W. L. Braddon<sup>23</sup> dan Institut Penyelidikan Perubatan dalam menangani penyakit beri-beri.

Manderson<sup>24</sup> dan Parmer<sup>25</sup> pula jelas menumpu kepada keadaan kesihatan dan perkhidmatan kesihatan di Tanah Melayu pada tahun 1920-an dalam penulisan masing-masing. Hal ini meninggalkan satu ruang kosong dalam penulisan sejarah penularan penyakit dan langkah pengawalan yang dilaksanakan oleh British pada peringkat yang lebih awal.

Dalam konteks penulisan sejarah penyakit dan kesihatan yang lebih luas, Manderson telah membuat penyeluruhan tentang sejarah kesihatan, penyakit dan dasar British di Tanah Melayu antara 1874-1940.<sup>26</sup> Sungguhpun demikian,

---

<sup>22</sup> Dr. Hamilton Wright dilahirkan di Cleveland, Ohio, Amerika Syarikat pada tahun 1867. Beliau merupakan lulusan perubatan dari Universiti McGill dan pemegang Biasiswa John Lucas Walker dari Universiti Cambridge. Sebelum dipilih oleh Dr. Manson untuk mengetuai Institut Penyelidikan Perubatan di Kuala Lumpur pada tahun 1900, beliau merupakan patologis di London School of Tropical Medicine. Dr. Wright memegang jawatan pengarah Institut Penyelidikan Perubatan selama tiga tahun bermula dari 6 Februari 1900 hingga Februari 1903. Beliau meninggal dunia pada 7 Januari 1917 (*The Institute for Medical Research 1900-1951*, hlm. 39-40 & 313-314).

<sup>23</sup> Dr. William Leonard Braddon dilahirkan pada 31 Mei 1862. Beliau memulakan perkhidmatan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada 13 Disember 1888 sebagai *District Surgeon* Kuala Lumpur sebelum dilantik ke jawatan *State Surgeon* Negeri Sembilan pada 1 Januari 1899 hingga 1908 (*List of the Names in Alphabetical Order of the Civil Servants of the Governments of the Protected Natives States With a Record of Their Services, 1891*, selanjutnya *LNAOCSGPNSRS*, [tanpa data penerbitan], hlm. 14-15, dalam *Federated Malay States Establishment/Malayan Establishment Staff List, Civil Establishment, 1891-1914*. Telitikan juga, Enid M. Wylie, "The Search for the Cause of Beriberi ...", hlm. 93 & 97-98).

<sup>24</sup> "Race, Colonial Mentality and Public Health ...".

<sup>25</sup> "Estate Workers' Health in the Federated Malay States ..." dan "Health and Health Services in British Malaya ...".

<sup>26</sup> Dalam mengesan impak penjajahan British ke atas kesihatan, Manderson melihat era 1874 hingga 1940 sebagai zaman perluasan ekonomi British, penambahan penduduk dan perubahan dalam corak penyebaran penyakit. Dengan melihat persekitaran berbeza yang dicipta oleh kapitalisme kolonial, beliau menghujahkan kepentingan perubatan dalam melegitimasi

beliau tidak membincangkan secara khusus perkembangan kesihatan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu sekaligus mengabaikan penggunaan laporan perubatan tahunan Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang penting dalam memberi gambaran yang jelas tentang penularan penyakit di Negeri-negeri Melayu Bersekutu antara 1896-1914.

#### 1.4 KAEDAH KAJIAN

Kajian ini disempurnakan melalui kajian perpustakaan dengan meneliti sumber pertama dan sumber kedua. Sumber-sumber pertama yang diteliti terdiri daripada laporan tahunan, laporan perubatan, suratkhabar dan surat-menyurat kerajaan yang terdapat dalam bentuk mikrofilem, fail dan warta kerajaan. Sumber-sumber kedua pula adalah seperti buku dan jurnal. Senarai kedua-dua sumber ini boleh dirujuk dalam bibliografi.

---

penjajahan, penguatkuasaan hierarki kolonial dan bagaimana ia menyediakan logik moral untuk imperialisme (Lenore Manderson, *Sickness and State ...*, hlm. xiii & xiv).